

**TEKS UCAPAN
YANG BERUSAHA PROF. IR. TS. DR. MOHAMAD
HAFIZ MAMAT
TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN DAN
INOVASI)**

**MEWAKILI
YBRS. PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR, UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
PROGRAM SAMBUTAN MAULIDUR RASUL
PERINGKAT UCS 2025**

**12 SEPTEMBER 2025 | JUMAAT | 11.00 PAGI
DEWAN KULIAH 500
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis



**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

Al Fadhil Ustaz Haji Lufti Fauzi Haji Sabari

Ketua Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Cawangan
Selangor

Al Fadhil Ustaz Adam Zakaria

Ketua Unit Spiritualiti, Hospital Al Sultan Abdullah

Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri

UiTM Cawangan Selangor

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit

Jawatankuasa Pelaksana Program yang terdiri daripada UiTM Cawangan Selangor dan Hospital Al Sultan Abdullah

Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan, warga UiTM yang saya kasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, mewakili **YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izin-Nya diberi kesempatan untuk kita berkumpul pada hari Jumaat penghulu segala hari ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UCS 2025**.
3. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Unit Hal Ehwal Islam atas inisiatif utama menganjurkan sambutan ini,

dengan kerjasama strategik daripada Unit Spiritualiti, Hospital Al Sultan Abdullah.

4. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Penghulu segala Rasul, pembawa rahmat sekalian alam.

Hadirin yang saya hormati,

5. Sebagai penganjur utama program kerohanian di kampus, UHEI telah mengambil langkah proaktif melalui pelaksanaan inisiatif yang komprehensif dan relevan dengan keperluan masa kini.
6. Sempena Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini, saya difahamkan bahawa UHEI telah merangka pelbagai program untuk warga UiTM Selangor dengan penglibatan aktif daripada staf dan pelajar.

7. Alhamdulillah, pada hari ini kita dapat bersama-sama mengimarahkan Sambutan Maulidur Rasul dengan perarakan di awal pagi, diikuti ceramah Bicara Cinta Rasul oleh penceramah jemputan yang terkenal.
8. Insya-Allah, sebentar lagi kita akan menyaksikan pengumuman kontijen yang dipilih juri sebagai pemenang perarakan tahun ini.

Hadirin sekalian,

9. Sambutan Maulidur Rasul bukan sekadar acara tahunan, tetapi menjadi wadah muhasabah untuk kita menghayati perjuangan dan kepemimpinan Rasulullah SAW, serta mencontohi akhlak Baginda dalam kehidupan seharian, khususnya sebagai warga UiTM.

10. Sebagai warga institusi ilmu yang dipertanggungjawabkan dengan amanah, kita hendaklah menjadikan sifat amanah, ihsan dan kebijaksanaan Rasulullah SAW sebagai landasan dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab.
11. Budaya kerja kita perlulah dicorakkan dengan integriti, kesabaran, ketegasan dan kelembutan seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.
12. Justeru, melalui program seumpama ini kita dapat menyemarakkan kefahaman dan penghayatan sirah Nabi, disamping memperkukuh ukhuwah sesama staf.
13. Akhir kata, saya menyeru agar kita bersama-sama terus menzahirkan perkhidmatan yang berkualiti dan berimpak tinggi demi kelestarian universiti yang kita banggakan.

14. Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Moga segala usaha dan pengorbanan diganjar dengan sebaik-baik ganjaran di sisi Allah SWT.

Burung berkicau riang di taman,
Menyambut fajar penuh berseri.
Teladan Rasul jadi pedomam,
Mengukuhkan iman di dalam hati.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Sambutan Maulidur Rasul peringkat UCS 2025.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**